

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KEEMPAT  
BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL**

**BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

**SOALAN 2**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang status terkini cadangan untuk melaksanakan Skim Lantikan Kontrak yang ditambah baik, bagi menggantikan Skim Lantikan Tetap dan Berpencen dalam perkhidmatan awam.

**JAWAPAN: YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan berkaitan Skim Lantikan Kontrak Perkhidmatan Awam secara bersekali dengan **7 soalan** yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berikut ;

- i. YB Lipis dan YB Baling yang dijadualkan dijawab pada **22 Oktober**;
- ii. YB Kota Bharu dijadualkan dijawab pada **7 November**;
- iii. YB Kinabatangan dijadualkan dijawab pada **13 November**;

- iv. YB Kubang Kerian dijadualkan dijawab pada **19 November**;
- v. YB Nibong Tebal dijadualkan dijawab pada **28 November**; dan
- vi. YB Jerantut dijadualkan dijawab pada **4 Disember 2019**.

Kesemua soalan tersebut akan dijawab pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian faedah persaraan kepada pesara Kerajaan adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan ke atas sumbangan dan jasa penjawat awam sepanjang perkhidmatan mereka dalam perkhidmatan awam. Faedah persaraan yang diperolehi oleh penjawat awam **adalah dilindungi seperti mana yang ditetapkan di bawah Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan** iaitu Perlindungan Hak-hak Pencen dan dikawalselia melalui Akta

Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen PihakPihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239). Sehubungan dengan itu, anggota perkhidmatan awam **yang telah sah dalam perkhidmatan dan mendapat taraf berpencen akan terus kekal menerima faedah dan kemudahan Skim Pencen.**

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan menghadapi cabaran untuk membiayai faedah persaraan berikutan jumlahnya yang semakin meningkat. Misalnya, perbelanjaan faedah persaraan pada tahun 2018 telah meningkat kepada RM23.87 billion berbanding RM5.86 billion pada tahun 2006. Jumlah ini dijangka akan meningkat setiap tahun. Tambahan pula, Kerajaan terdahulu telah beberapa kali menaikkan gaji penjawat awam pada peratusan yang agak tinggi sekali gus meningkatkan liabiliti pencen.

**NO. SOALAN: 2**

4. Untuk menangani isu ini, Kerajaan sedang mengkaji **beberapa** mekanisme baharu. Di mana, mekanisme baharu tersebut diharap tidak membebankan Kerajaan dan pada masa yang sama, penjawat awam tidak rugi selepas mereka menamatkan perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

**SENARAI PERTANYAAN YANG DIJAWAB SECARA  
BERSEKALI DENGAN SOALAN OLEH YB KUALA KRAU BERTARIKH  
22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

BIL.	TARIKH	SOALAN
1.	22 Oktober 2019	<b>Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]</b> minta PERDANA MENTERI menyatakan impak dan kesan sekiranya Kerajaan menghentikan skim pencen yang telah sekian lama dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu.
2.	22 Oktober 2019	<b>Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]</b> minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah mekanisme baharu yang dirancang bagi menggantikan skim pencen kepada penjawat awam dapat dilaksanakan, dan adakah pelaksanaan skim tersebut melibatkan semua sektor awam secara keseluruhan.

BIL.	TARIKH	SOALAN
3.	7 November 2019	<b>Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan dengan jelas pendirian Kerajaan berhubung cadangan tiada lagi lantikan baharu dalam perkhidmatan awam di bawah skim tetap dan berpencen sebaliknya akan digantikan dengan skim lantikan kontrak yang dikatakan akan bermula pada tahun hadapan.
4.	13 November 2019	<b>Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]</b> minta <b>PERDANA</b> menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menghargai perkhidmatan kakitangan awam dan apakah jaminan Kerajaan agar para pesara Kerajaan dapat terus menikmati faedah serta kemudahan persaraan selepas bersara dari perkhidmatan kelak.
5.	19 November 2019	<b>Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan mekanisme baharu skim pencen perkhidmatan awam.

BIL.	TARIKH	SOALAN
6.	28 November 2019	<p><b>Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal]</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan rasional cadangan menggantikan Skim Pecen Perkhidmatan Awam dan menjelaskan mekanisma skim baru ini. Apakah implikasinya kepada kebajikan penjawat awam.</p>
7.	4 Disember 2019	<p><b>Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan adakah semakan semula Skim Pecen Penjawat Awam, Akta Pecen 1980 (Akta 227) yang melibatkan lantikan baru penjawat awam pada tahun hadapan akan melibatkan juga Peruntukan Faedah Pemberhentian Dan Faedah Terbitan Untuk Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237).</p>